

## KURSUS DOE WITH MINITAB TARIK MINAT PESERTA



Gambang, 7 April- Penyampaian yang jelas serta pemberian contoh yang padat, berjaya meningkatkan kefahaman kira-kira 25 peserta kursus Design of Eksperimen (DOE) With Minitab yang dianjurkan oleh Penerbit UMP baru-baru ini.

Kursus yang dikendalikan Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Lanjutan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Ir. Dr. Sha'ri Md Yusoff, di makmal komputer Perpustakaan, di sini, dihadiri oleh pensyarah dan pelajar pasca siswazah daripada fakulti bidang kejuruteraan.

Menurut Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, pihaknya akan sentiasa menyediakan peluang kursus yang berkaitan dengan penyelidikan pensyarah dan pelajar di sini.

"Matlamat kami adalah untuk memudahkan pelajar dan pensyarah untuk menghadiri kursus yang biasanya dianjurkan oleh organisasi luar. Kami juga akan sentiasa menyokong keperluan akademik seiring dengan matlamat UMP untuk menjadi universiti bertaraf dunia," katanya.

Seorang peserta, Dr. Nanang Fatchurrahman berkata, objektif kehadirannya ke kursus ini bagi mendalami ilmu DOE tercapai kerana penerangan dan tunjuk ajar yang diberikan penceramah mencukupi untuk mengetahui asas kemahiran DOE. "Walau bagaimanapun, masa selama dua hari ini agak suntuk untuk mempelajari teknik Taguchi secara terperinci dan saya berharap akan ada kesinambungan kursus seperti ini pada masa akan datang," katanya yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), di sini.

Seorang lagi peserta, Dr. Chuan Zun Liang berkata, pendekatan yang digunakan secara interaktif dengan peserta dapat membuatkan mereka lebih fokus kepada subjek dan menghilangkan rasa mengantuk yang sering dialami ketika menghadiri latihan. Kata pensyarah Fakulti Industri Sains dan Teknologi (FIST) itu, sesi pembelajaran yang lebih santai dapat merangsang minatnya untuk mendalami DOE dan mempraktikkan teknik terbabit pada kajiannya yang akan datang.

**Disediakan oleh Shalfarina Shahrman dari Pejabat Penerbit UMP.**